

HARI : SABTU
TARIKH : 14/12/2019
M/SURAT : 13

Harga RON97, RON95 kekal

KUALA LUMPUR

- Harga runcit petrol
RON97 kekal RM2.64
seliter, diikuti RON95 dan
diesel masing-masing kekal
pada harga RM2.08 serta
RM2.18 seliter
berkuatkuasa tengah
malam tadi sehingga 20
Disember ini.

Kementerian
Kewangan dalam
kenyataan di sini berkata,
berdasarkan pengiraan
mengikut formula
Automatic Pricing
Mechanism (APM), harga
runcit RON95 dan diesel
bagi tempoh sama
sepatusnya RM2.34 seliter
dan RM2.32 seliter.

"Namun, tiada
perubahan bagi harga
runcit RON95, manakala
terdapat kenaikan bagi
harga runcit diesel yang
berada pada paras RM2.30
seliter minggu lepas,"
menurut kenyataan
tersebut. - Bernama